



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	4/4/2103

# Dr M yakin sokongan kaum Cina bertambah

BH-4/4/2013

**Sokongan** kaum Cina kepada Barisan Nasional (BN) dijangka semakin bertambah pada Pilihan raya Umum Ke-13, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ia berdasarkan sambutan kaum Cina kepada majlis anjuran BN dan penerimaan mereka terhadap penerangan mengenai dasar kerajaan,

selain perjuangan parti.

“BN boleh menang walaupun pembubaran diadakan hari ini (semalam) atau minggu lepas. Majoriti dua pertiga boleh (diperoleh BN), tapi mungkin susah sikit. Bagaimanapun, saya tengok orang Cina ramai hadir perjumpaan (anjuran BN).

“Ada bukti undi kaum Cina sudah beralih (kepada BN). Dulu tak

mahu jumpa langsung, sekarang mereka nak jumpa, nak dengar, nak salam (dengan pemimpin BN),” katanya ketika ditemui pemberita di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini semalam.

Terdahulu, beliau menerima lawatan 10 pemimpin badan bukan kerajaan (NGO) Kelantan yang juga bekas penyokong PAS. Turut hadir, Penasihat Persatuan Minda Pondok, Tok Guru Abdullah al-Najmi Saamah dan bekas Exco PAS Kedah, Zainon Ismail.

## Pemimpin NGO mohon maaf

Pada pertemuan lebih sejam itu, pemimpin NGO berkenaan memohon maaf kepada Dr Mahathir kerana terlalu taksub kepada Amanat Haji Hadi sehingga sanggup ‘mengkafirkan’ Dr Mahathir, malah merancang membunuhnya.

Dr Mahathir berkata, beliau menerima permohonan maaf itu, namun apa yang lebih mengembirakannya ialah kesedaran NGO itu atas kesilapan mereka, yang terlalu taksub kepada perjuangan PAS sebelum ini.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi menasihati semua calon yang bakal bertanding pada PRU-13 supaya bekerja kuat dan memikul tanggungjawab yang diberi sebaik mungkin.

“Menjadi wakil rakyat ini bukan untuk seronok-seronok, perlu kerja kuat untuk negara dan rakyat,” katanya.

Beliau berkata, memandangkan PRU kali ini dijangka sebagai paling sengit, beliau mengingatkan semua calon tanpa mengira parti menjaga sikap masing-masing.